

Prinsip Perakaunan

Senarai kandungan

Tingkatan 4

Bab 1: Pengenalan kepada Perakaunan

Bab 2: Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan

Bab 3: Dokumen Perniagaan Sebagai Sumber Maklumat

Bab 4: Buku Catatan Pertama

Bab 5: Lejar

Bab 6: Imbangan Duga

Bab 7: Penyata Kewangan Milikan Tunggal tanpa Pelarasan

Bab 8: Pelarasan Pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal

Bab 9: Pembetulan Kesilapan

Tingkatan 5

Bab 1: Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan

Bab 2: Rekod Tak Lengkap

Bab 3: Perakaunan untuk Kawalan Dalaman

Bab 4: Perakaunan untuk Perkongsian

Bab 5: Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer

Bab 6: Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan

Bab 7: Perakaunan Kos

Analisis SPM Prinsip Perakaunan


Kertas 1	Kertas 2	Kertas 3
40 Markah	100 Markah	100 Markah
20%	60%	20%
75 min	150 min	N/A
40 Soalan Objektif Jawab Semua.	Bahagian A - Jawab Semua. - 60 Markah Bahagian B - Jawab 2 Soalan. - 40 Markah	Projek Perakaunan

Langkah Pertama Skor dalam SPM:

Mengetahui sasaran markah yang anda ingin mencapai

Gred	Markah	Sasaran Markah Kertas 1-3
A+	90-100	K1- 36/40, K2- 90/100, K3- 18/20
A	80-89	K1- 36/40, K2- 77/100, K3- 16/20
A-	70-79	K1- 34/40, K2- 62/100, K3- 16/20
B+	65-69	K1- 32/40, K2- 55/100, K3- 16/20
B	60-64	-
C+	55-59	-
C	50-54	-
D	45-49	-

Bab 1: Pengenalan kepada Perakaunan



Profesional: Seseorang yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan kepakaran khusus dalam bidang tertentu.

Contoh profesion perakaunan

- Akauntan
- Pengurus kewangan
- Juruaudit
- Penasihat kewangan
- Penasihat percukaian
- Ketua pegawai kewangan

Ciri-ciri Akauntan sebagai pemimpin

1. Integriti : Jujur (*Honest*)
2. Kredibiliti : Keupayaan untuk menimbulkan kepercayaan (*Trustworthy*)
3. Akauntabiliti : Bertanggungjawab (*Responsible*)

Etika Profesion Perakaunan

1. S- Sifat Profesional : Mematuhi peraturan
2. I- Integriti : Jujur
3. K- Kompetensi : Mahir dalam subjek
4. O- Objektiviti : Adil dan tidak berat sebelah
5. K- Kerahsiaan : Tidak mendedahkan kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran

Badan Kawal Selia (Regulatory Body)

MIA- Institut Akauntan Malaysia (tubuh pada 1960)

1. Menentukan kelayakan seseorang diterima sebagai ahli.
2. Memberi latihan dan pendidikan berkaitan dengan profesion perakaunan.
3. Menentukan peraturan yang perlu dipathui oleh semua akauntan di Malaysia.
4. Mengawal pelaksanaan tugas perakaunan.

Badan Penggubal Piawaian (Standard Setting Body)

MASB- Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (tubuh pada 1997)

1. Mengeluarkan piawaian perakaunan.
2. Menyemak dan memperbaiki piawaian perakaunan sedia ada.
3. Melaksanakan tugas sebagai penasihat awam.
4. Menentukan skop dan aplikasi piawaian perakaunan.

Badan Profesional Perakaunan (Professional Accounting Body)

1. MICPA- Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
2. CIMA- Chartered Institute of Management Accountants
3. ACCA- Association of Chartered Certified Accountants

Sejarah Perakaunan

Babylonia 3500SM	Rekod ditemui - tanah liat.
Mesir 400SM	Rekod ditemui - papyrus (kertas) dan calamus (pen).
Itali Abad ke-14	Luca Pacioli (Bapa Perakaunan)- sistem catatan bergu

Abad ke-18	Sistem lebih sistematik diperkenalkan semasa Revolusi Peindustrian
Abad ke-20	(IASC) Jawatan Kuasa Piawai Perakaunan Antarabangsa ditubuhkan pada 1973.

Kepentingan Sistem Maklumat Perakaunan kepada Entiti Perniagaan

1. Memudahkan perancangan perniagaan.
2. Mengumpul dan menyimpan maklumat perniagaan.
3. Memastikan kawalan atas keselamatan maklumat perniagaan.
4. Membuat keputusan berdasarkan butiran yang dijanakan daripada sistem.
5. Memahami keseluruhan sistem bagi tujuan pengauditan.

Fungsi Penyata Kewangan:

1. Memberi maklumat sesebuah perniagaan dengan cara berstruktur bagi sesuatu tempoh.
2. Penilaian prestasi perniagaan dapat dibuat dengan tepat.
3. Memberi pandangan keseluruhan kewangan jangka pendek dan panjang.

Ciri Kualitatif Asas:

1. Kerelevanan (*Relevance*) : Dapat membantu pengguna menilai prestasi perniagaan dan membuat keputusan.
2. Perwakilan benar (*Reliable*) : Benar, bebas daripada kesilapan material, tanpa berat sebelah dan tiada unsur yang mengelirukan. Sales RM10,000 – invoice RM1,000 x10

Ciri Kualitatif Tertingkat:

1. Kebolehbandingan (*Comparable*) : Boleh dibandingkan dengan syarikat lain.
2. Kebolehfahaman (*Understandable*) : Mudah difahami oleh pengguna.
3. Kebolehsahan (*Verifiable*) : Boleh dipercayai untuk membuat keputusan.
4. Pemasaan (*Timely*) : Sampaikan kepada pengguna tepat pada masa membuat keputusan.

Pihak yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan

1. Pemilik perniagaan
2. Pekerja
3. Pihak luar: Akauntan dilantik oleh peniaga

Pengguna Penyata Kewangan

Pengguna Dalaman

1. Pemilik perniagaan
- Menilai prestasi perniagaan
2. Pihak pengurusan
- Membuat perancangan perniagaan
3. Pekerja
- Mengetahui kestabilan perniagaan

Pengguna Luaran

1. Pihak Bank
- Menilai kemampuan perniagaan membayar hutang
2. Pembekal
- Menilai kemampuan perniagaan membayar hutang
3. Pemegang saham
- Menilai prestasi perniagaan
4. Agensi Kerajaan (Lembaga Hasil Dalam Negeri) - menentu cukai

Andaian Perakaunan (Assumption 假设)

1. T- Tempoh Perakaunan:

Aktiviti perniagaan akan dibahagikan kepada tempoh perakaunan tertentu supaya prestasi dan kedudukan kewangan dapat dinilai.

Contoh : Lim Sdn Bhd menyediakan penyata kewangan pada 31 Disember setiap tahun.

2. E- Entiti Perniagaan:

Perniagaan dan pemilik adalah dua entity yang berasingan. Hanya urus niaga perniagaan sahaja direkodkan.

Contoh : Pemilik mengambil inventori untuk kegunaan sendiri, hendaklah direkodkan sebagai ambilan.

3. W- Wang sebagai ukuran:

Urus niaga direkodkan dengan ukuran wang sebagai asas supaya perbandingan urus niaga dapat dinilai.

Contoh : Pau Sdn Bhd merekodkan jualan pau pada harga RM200 dalam buku tunai.

4. U- Usaha berterusan:

Perniagaan mempunyai hayat berterusan dan akan terus beroperasi.

Contoh : Best Sdn Bhd menilai harga kenderaan pada harga yang dibeli dan bukan harga yang boleh dilupuskan.

Prinsip Perakaunan (Principle 原则)

1. P- Pengiktirafan hasil dan belanja:

Belanja perniagaan yang telah berlaku mesti diambil kira walaupun ia masih belum dibayar; hasil perniagaan yang direkodkan adalah hasil yang diperolehi dalam tempoh perakaunan dan bukan hanya berdasarkan tunai yang diterima.

Contoh: Ace Sdn Bhd mencatatkan belian secara kredit dalam buku perniagaan walaupun belum membuat bayaran.

2. K- Ketekalan:

Pengguna kaedah perakaunan mesti sama pada setiap tempoh perakaunan.

Contoh: Encik Kim seorang pemilik kedai alat tulis menggunakan kaedah garis lurus dalam susut nilai perabot sepanjang tempoh penggunaan perabot tersebut.

3. P- Prinsip Kos:

Aset direkodkan dalam kos sebenar (harga belian), bukan nilai pasaran semasa atau nilai masa hadapan yang dijangkakan.

Contoh: Kiki Sdn Bhd masih merekodkan rak pameran yang dibeli pada tahun 2015 pada kos belian, iaitu RM5000 dalam penyata kewangan bagi tahun 2019. Nilai pasaran tersebut pada tahun 2019 adalah RM2400.

Batasan Perakaunan

Kos manfaat:

Perbelanjaan yang terlibat dalam penjanaan hasil haruslah tidak melebihi hasil supaya untung dapat dinikmati.

Contoh: Lim Kereta Sdn Bhd menjual bateri kepada pelanggan pada harga RM250. Lim Kereta membeli bateri daripada Pembekal A pada harga RM100 berbanding Pembekal B RM150 kerana dapat menikmati keuntungan yang lebih tinggi.

Entiti Perniagaan

Ciri	Milikan tunggal	Perkongsian	Syarikat Berhad	Koperasi
Bilangan Pemilik	1	2-20	Sdn Bhd: 2-50 Awam Bhd: 2-∞	50-∞
Keuntungan	Pemilik	Berdasarkan syarat dalam perjanjian	Dalam dividen	Dalam dividen
Liabiliti	Tidak terhad	Tidak terhad	Terhad	Terhad
Sumber Modal	Pemilik	Semua pekongsi	Pemegang saham	Anggota koperasi
Pengurusan	Pemilik	Pekongsi aktif	Lembaga Pengarah	Anggota Lembaga koperasi
Akta penubuhan	Akta Pendaftaran Perniagaan 1956	Akta Perkongsian 1961	Akta Syarikat 2016	Akta Koperasi 1993
Hayat Perniagaan	Tidak berterusan	Tidak berterusan	Berterusan	Berterusan
Cukai Pendapatan	Perseorangan	Perseorangan	Syarikat	Koperasi
Contoh Perniagaan	Perniagaan berkedai, bergerai.	Klinik kedokteran, pergigian, firma perakaunan	Institusi kewangan, kilang elektronik, syarikat pembinaan	Koperasi sekolah, university, koperasi pengguna

Liabiliti terhad : Hanya tanggung kerugian perniagaan berdasarkan modal yang disumbangkan.

Liabiliti tidak terhad : Pemilik menanggung semua hutang perniagaan, asset peribadi akan terlibat dalam penyelesaian hutang sekiranya perniagaan tidak mampu menjelaskan semua hutang.